

12/02/2003

Peluang menjadi usahawan sederhana

Datuk Salleh Majid

ANGKA ramalan terakhir pertumbuhan Malaysia untuk 2003 ialah 4.7 peratus dikaji semula daripada 5.2 peratus. Ini memandangkan kesan daripada kemungkinan peperangan Amerika Syarikat-Iraq tidak lama lagi.

Sebelum ini, dalam suatu penyatuan industri perbankan, 38 bank bergabung menjadi 10 bank teras. Alasan utama ialah kesediaan untuk menghadapi persaingan daripada pembukaan pasaran perkhidmatan kewangan apabila perdagangan bebas dilaksanakan pada 2005 nanti.

Saya tidak nampak penggabungan ini dapat menangkis sehebat yang dijangka persaingan daripada bank gergasi dari Amerika dan Eropah.

Pertama disebabkan cara bank mengendalikan perkhidmatan mereka berlainan sekali daripada bank asing. Malahan, teguran mengenai gaya operasi bank yang gemar menyisih syarikat kecil dan sederhana dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

Kedua, berikutan cara beroperasi ini terdedah suatu tumpuan kepada cagaran dalam apa juga bentuk pinjaman. Sedikit sekali yang memberikan ruang pertimbangan kepada usahawan yang mempunyai idea yang viable dan pengalaman yang teruji.

Bank kurang sedar yang pertumbuhan sesebuah negara yang sedang membangun terletak atas syarikat kecil dan sederhana dari mana usahawan yang berjaya bakal muncul.

Sebaliknya, kita tahu bank pernah secara besar-besaran memberikan pinjaman kepada syarikat besar, termasuk yang disenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) tanpa cagaran bernilai berjuta ringgit. Apabila syarikat ini tidak dapat membayar, bukannya syarikat yang risau tetapi pegawai bank yang memberikan pinjaman.

Kini timbul satu lagi masalah berikutan penggabungan bank dan institusi kewangan. Masalah yang dimaksudkan ialah pengangguran daripada pelaksanaan skim pemisahan sukarela yang diamalkan hampir semua bank yang bergabung. Memang benar mereka diberikan pampasan, tetapi jumlah yang diperoleh tidak dapat menjamin hidup mereka begitu lama.

Ramai yang menganggur dan ketika wang pampasan masih ada, bolehlah mereka hidup. Tetapi bagi mereka yang beristeri dan beranak serta anak bersekolah, wang yang diterima itu selalunya memang tidak mencukupi.

Tetapi apa hendak dikatakan. Janji yang diberikan yang tidak ada siapa yang akan diberhentikan hanya tinggal janji saja. Akhirnya pengurusan bank melihat penggabungan sebagai suatu peluang untuk membuang mereka yang bes gaji mahal untuk digantikan dengan mereka bergaji murah.

Ada sesetengah ketua eksekutif dan ahli syarikat perunding yang gemar

mengandaikan semua ini sebagai amalan biasa seperti yang lazim berlaku di Amerika, kata mereka.

Sesiapa saja boleh diambil dan dibuang pada bila-bila masa. Mereka ini kurang teliti apabila membuat komen kerana gagal membandingkan tahap kemajuan di Amerika dengan negara ini.

Kita walaupun sedang maju, tetapi belum lagi sampai tahap negara yang sudah maju. Rancangan kita untuk menjadi negara perindustrian sepenuhnya ialah pada 2020. Sebenarnya keghairahan kita untuk meniru negara yang maju ini menyebabkan kita gagal dalam beberapa perkara. Ini disebabkan kita kurang teliti dalam membuat penilaian terhadap sesuatu.

Kepada mereka yang sedang menganggur, mereka tiada lain jalan selain mencari pekerjaan yang boleh menyara keluarga mereka. Mungkin ada yang ingin menjadi usahawan. Ada beberapa bidang yang saya fikir elok difikirkan oleh mereka yang diberhentikan (walaupun ada pampasan) ini.

Pertama, perniagaan secara jualan langsung. Ada lebih 150 syarikat jualan langsung yang boleh diceburi oleh sesiapa berminat. Masing-masing mempunyai tradisi mereka sendiri yang perlu dipatuhi oleh mereka yang berminat menjadi peniaga (dealer) dan sudah terbukti ramai yang menjadi jutawan (15 orang melalui syarikat CNI).

Perniagaan jualan langsung ini juga merebak kepada barang tempatan seperti perubatan tradisional yang diedar hanya melalui cara ini. Ubat yang bebas kimia ini menjadi tarikan orang sekarang kerana bimbang kesan daripada bahan kimia yang ada dalam kebanyakan ubat dan vitamin biasa.

Ubat seperti gamat berjaya dijual oleh usahawan tempatan dan berjaya menembusi pasaran luar.

Kedua, bagi mereka yang berpengalaman lama, satu lagi jenis perniagaan yang boleh diceburi ialah bidang latihan sama ada untuk awam atau swasta.

Apa yang penting di sini ialah mengetahui apa yang diperlukan oleh pelanggan dari kalangan syarikat atau jabatan kerajaan.

Suruhanjaya Syarikat berazam, misalnya untuk melatih semua pengarah syarikat sendirian berhad. Ada lebih 400,000 syarikat yang terdaftar dan kalau satu syarikat, ada dua orang pengarah saja sudah ada 800,000 pengarah yang perlu dilatih.

Tentulah, pakej latihan ini perlu mengandungi pelbagai mata pelajaran atau modul pelajaran, tetapi selain program latihan secara in-house program am juga boleh dijalankan.

Kementerian Sumber Manusia diberikan mandat untuk melatih semula siswazah supaya dapat dipenuhi ruang kekosongan yang diperlukan. Peruntukan yang diberikan oleh kerajaan tahun lalu adalah RM85 juta.

Apa yang perlu di sini ialah sedikit usaha untuk bertemu pegawai syarikat berkenaan dengan latihan dan jangan jemu berjumpa sehingga terbukti keupayaan dan kemahiran. Sekiranya seorang tidak menjadi bolehlah dikumpul dua tiga orang pegawai yang lain dan digubal suatu program yang boleh dijual kepada pelanggan tertentu.

Di Kementerian Pembangunan Usahawan ada pelbagai program francais yang juga boleh diteroka oleh mereka yang berminat dengan tidak menggunakan modal besar.

Kalau diambil contoh, kedai gambar saja sudah cukup dengan perolehan perniagaan tinggi. Semua orang suka ambil gambar dan kini dengan kamera digital gambar, kualiti gambar lebih baik. Setiap taman perumahan wajar

mempunyai kedai gambar kadang-kadang lebih daripada satu.

Ramai yang jarang memberikan perkiraan yang betul terhadap risiko memasuki perniagaan. Oleh itu, wang simpanan yang sedikit disalahgunakan dan akhirnya cita-cita tinggi hancur lebur. Setiap perniagaan ada risiko, tinggi risiko tinggi pulangnya. Kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai.